# ABSTRACT

This study aims to determine the Internet skills among teachers and their perception towards the Internet as the new environment for teaching and learning. The respondents were 40 secondary school teachers teaching various subjects. The questionnaire was given by hand to 15 teachers and the other 25 teachers received it by post. A total of 27 teachers responded to the questionnaire. The analysis of the survey showed that most teachers have the basic Internet skills like sending and receiving electronic mail, using the World Wide Web facilities and creating web homepage. However, only a small percentage of teachers could use the web-phone, chat using a whiteboard and use video teleconferencing. The survey showed that teachers' perception towards the Internet for teaching and learning was very positive. Most teachers agreed that information in the Internet was useful for teaching and learning. The Internet was perceived to be capable of increasing the productivity of the students. It can be a suitable medium for exercises and revision. Teachers were positive that the Internet could be a medium for assessment but a high percentage of teachers admitted that they did not know how it could be carried out. Most teachers agreed that the Internet could motivate students to higher achievement, However, teachers agreed that the Internet contained unhealthy material, which may be detrimental to students' learning.

# PERSEPSI GURU TERHADAP INTERNET SEBAGAI ALAM BARU UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kemahiran penggunaan Internet di kalangan guru-guru dan mengenalpasti persepsi guru terhadap Internet sebagai alam baru pengajaran dan pembelajaran. Responden kajian terdiri daripada 40 orang guru sekolah menengah yang mengajar pelbagai subjek. Sebanyak 15 orang guru telah diberi soalan kajian secara peribadi manakala 25 orang yang lain melalui pos. Hanya 27 orang responden sahaja yang menjawab soalan kajian dan menghantarnya kepada penyelidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai kemahiran asas Internet seperti menghantar dan menerima mel elektronik, menggunakan kemudahan “World Wide Web” dan merekacipta halaman web. Walau bagaimanapun hanya peratusan kecil yang fasih dalam menggunakan telefon-Internet, papan perbincangan serta persidangan video. Guru-guru yang diselidik secara umumnya mempunyai persepsi yang positif terhadap Internet sebagai alam baru pengajaran dan pembelajamn. Kebanyakan guru berpendapat bahawa maklumat daripada Internet adalah sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga mempunyai persepsi positif bahawa Internet mempunyai kemampuan untuk meningkatkan tahap proses pengajaran dan pembelajamn. Selain itu, Internet juga dianggap sebagai medium yang baik untuk latihan dan ulangkaji serta sumber motivasi yang berkesan. Namun demikian, mereka tidak begitu yakin akan kemampuan Internet untuk dijadikan sebagai medium pentaksiran. Mereka juga berpendapat bahawa Internet mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan pembelajaran,